

# IBU TANPA NIKAH: FAKTOR DAN KAEDAH KENDALIAN KEHAMILAN

Nor Jana Saim  
Fatimah Abdullah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstract**

*This paper discusses the issue of out-of-wedlock pregnancies in Malaysia. Data was obtained from the Department of Medical Social Work, Kuala Lumpur General Hospital. The study involves 140 unwed mothers aged from 16 to 30 years who come from various socio-economic strata. Exposure to pornographic, lack of religious guidance and broken family relationship were reported by the respondents as major risk factors to pre-marital sexual activities, which later resulted to their pregnancies out-of-wedlock.*

## **PENGENALAN**

Proses pembangunan fizikal dan ekonomi yang sedang berlaku dengan pesat di negara tidak disertai oleh pembangunan dan perancangan sosial yang terancang dan teliti. Hal ini meningkatkan kos sosial yang terpaksa ditanggung seperti masalah sosial yang melanda masyarakat, baik yang dilakukan oleh remaja mahupun oleh warga yang telah dewasa dan berusia.

Antara masalah sosial yang kerap dilakukan oleh para remaja adalah ponteng sekolah, ketagihan dadah dan alkohol, vandalisme, masalah seks tanpa berkahwin sehingga menyebabkan kehamilan dan kelahiran anak luar nikah. Gejala kehamilan luar nikah semakin bertambah dari masa ke masa. Walaupun ada juga kehamilan yang berlaku akibat daripada jenayah rogol, kebanyakannya berlaku kerana inses, atau hubungan sama suka dengan kekasih. Salah satu daripada petanda kehamilan luar nikah ialah kes-kes pembuangan bayi yang baru dilahirkan. Hal ini dapat dilihat daripada laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menunjukkan bilangan bayi yang dibuang dan dijumpai di seluruh negara ialah 48 orang pada tahun 1991, menjadi 55 orang pada tahun 1992 dan pada 1993, meningkat kepada 60 pada tahun 1994, dan turun kepada 58, 55 dan 50 pada tahun-tahun 1995, 1996 dan 1997 (Utusan Malaysia 9 Mac 1998).

Sehubungan dengan kenyataan di atas, makalah ini memperkatakan secara khusus mengenai kehamilan luar nikah. Perkara-perkara penting

yang cuba diutarakan ialah mengenai faktor yang menyebabkan kehamilan tersebut. Bahagian berikutnya menyentuh mengenai bagaimana ibu tanpa nikah ini mengendalikan kehamilan mereka dan kemudiannya anak yang bakal mereka lahirkan. Data yang dibentangkan dalam makalah ini diperolehi dari rekod pesakit dari Wad Bersalin Hospital Kuala Lumpur yang tersimpan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Kuala Lumpur.

### **LATAR BELAKANG TEORI DAN KAJIAN LEPAS**

Kehamilan luar nikah adalah satu daripada pelbagai masalah sosial yang dianggap serius. Ia dikategorikan sebagai "penyakit sosial" atau patologi sosial. Simanjuntak (1981) menyatakan bahawa patologi sosial wujud apabila individu tidak dapat mengatur kehidupannya secara harmoni dengan persekitaran hingga menyebabkan wujudnya kecelaruan mental pada diri seseorang. Situasi ini sangat berkait rapat dengan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat yang lazimnya akan menyebabkan tekanan atau konflik baik di peringkat budaya dalam masyarakat mahupun dalam diri individu.

Dalam situasi perubahan yang pesat berlaku, konflik yang timbul boleh mendorong seseorang mengambil atau memilih langkah yang salah. Hal ini tidaklah menghairankan kerana sebagaimana yang disebut oleh Durkheim dalam konteks pembangunan dan perubahan sosial yang pesat, integrasi sosial menjadi semakin longgar (dalam Macionis, 2006: 4-5). Sistem kawalan sosial tidak formal menjadi lemah dan turut menjadi punca kepada berlakunya pelbagai tingkah laku devian.

Sungguhpun keluarga dan rumah tangga merupakan tempat penting di mana anak-anak disosialisasi dengan nilai dan norma yang baik sebagaimana yang diinginkan oleh masyarakat, fungsi keluarga dalam sosialisasi itu menjadi semakin terhakis. Dalam keluarga moden, kebanyakan ibu bapa keluar bekerja. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana kos hidup yang semakin meningkat. Selain itu, dalam kehidupan bandar, sistem kawalan sosial tidak formal menjadi semakin longgar. Orang muda tidak ada panduan bukan sahaja kerana kedua ibu bapa mereka sentiasa sibuk malah komuniti bandar di mana mereka tinggal juga sibuk dengan urusan masing-masing.

Konflik serta keruntuhan rumah tangga dan keluarga akibat perceraian turut menjadi faktor penting berhubung dengan kurangnya kawalan daripada ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Wolkind (1981) mendapati bahawa kebanyakan ibu tanpa nikah adalah berasal daripada kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang berpecah belah atau ibu bapa yang bercerai. Kebanyakan mereka membesar dalam keluarga

ibu tunggal atau bapa tunggal, tidak mendapat kasih sayang dan ikatan kekeluargaan dengan saudara mara yang sangat minimum. Remaja berkenaan lazimnya menghadapi masalah dalam menjalinkan hubungan dengan orang dewasa lain kerana ketiadaan model peranan orang dewasa yang boleh diikuti dalam hidup mereka. Justeru, tidak hairanlah jika mereka mudah menjalinkan hubungan bebas "mengikut perspektif mereka sendiri".

Membesar dalam keluarga ibu atau bapa tunggal memudahkan lagi mereka melakukan perbuatan anti-sosial memandangkan ibu atau bapa kurang berkemampuan untuk mengenakan kawalan atau hukuman yang tegas kepada anak-anak. Malah ibu atau bapa lebih memanjakan anak-anak mereka kerana merasa bersalah sekiranya anak-anak mereka tidak gembira (Mohd. Amin 1998). Situasi ini membuka peluang kepada anak-anak remaja untuk mendampingi atau bergaul dengan remaja lain yang kebanyakannya bermasalah seperti mereka juga. Secara tidak langsung remaja berkenaan lebih mudah terlibat dengan perlakuan negatif, akibat mencuba sesuatu yang baru dan dianggap dapat memberikan kepuasan.

Pada usia remaja itulah berlakunya perubahan fisiologikal yang nyata. Pada tahap ini pula kebanyakan mereka inginkan kepada perhubungan heteroseksual dengan rakan sebaya berlainan jantina. Ditambah pula dengan dorongan untuk "mencuba" sesuatu yang baru maka tidak hairanlah jika ada dalam kalangan remaja perempuan yang menjalinkan hubungan seks dengan teman lelaki. Hal ini tidaklah mustahil memandangkan para remaja mudah terikat dengan naluri seks mereka (Yahaya 1995) dan pelbagai rangsangan dalam bentuk media cetak atau visual yang terdapat di sekeliling mereka.

Rains (1971) menyebut bahawa kehamilan luar nikah terjadi akibat perbuatan melampau kerana keintiman dan penglibatan dalam hubungan seks sehingga menyebabkan hamil dan seterusnya melahirkan anak yang dianggap tidak sah tarafnya. Dari segi psikologi, Puvaneswari (1985) menyatakan bahawa kehamilan luar nikah tergolong dalam kategori kehamilan yang tidak diingini. Mungkin kerana itu insiden pengguguran haram atau pembuangan bayi yang baru lahir dilakukan.

#### **PERANGKAAN IBU TANPA NIKAH**

Tidak ada data tepat mengenai ibu tanpa nikah di negara ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh pelbagai perkara. Antaranya ialah ibu yang hamil sebelum berkahwin mungkin akan berkahwin beberapa bulan sebelum melahirkan anak dan menganggap anak yang dilahirkan itu sebagai anak yang sah. Kedua, oleh kerana kehamilan luar nikah adalah

bertentangan dengan agama dan budaya dalam masyarakat maka kelahiran itu tidak dilaporkan. Sebaliknya anak yang dilahirkan itu diberikan nasab kepada orang lain. Ketiga, tindakan menggugurkan kandungan khususnya secara tidak sah turut menyebabkan ketiadaan data tentang kehamilan dan kelahiran anak luar nikah. Faktor lain ialah pembuangan bayi yang dilahirkan dengan bertujuan untuk merahsiakan identiti si ibu yang mungkin tidak berkahwin.

Sehubungan dengan huraian di atas, data mengenai kes pembuangan bayi boleh menjadi indikator tentang kehamilan luar nikah. Ini kerana secara lojiknya pasangan yang berkahwin secara sah lazimnya mahu memelihara anak mereka. Oleh itu tidak mungkin mereka sanggup membuang bayi yang dilahirkan, apa lagi jika dikaitkan dengan pandangan masyarakat bahawa anak adalah harta keluarga. Data mengenai ibu tanpa nikah juga tidak dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang fenomena kelahiran luar nikah dan hubungan seks luar nikah. Ini kerana sebagaimana yang disebut di atas, tindakan menggugurkan kandungan, penggunaan kondom dan lain-lain alat untuk pencegahan kehamilan menyebabkan data tentang kehamilan atau hubungan seks luar nikah tentunya tidak tepat. Selain itu data terperinci mengikut etnik dan agama juga tidak dapat memberikan gambaran yang sebenar kerana terdapatnya pandangan berbeza berhubung dengan hal tersebut.

Jadual 1: Statistik Ibu Tanpa Nikah yang Dikendalikan oleh JKSP, HKL bagi Tahun 2000-2003

Bulan	2000	2001	2002	2003
Januari	10	16	24	14
Februari	13	20	19	26
Mac	22	15	17	27
April	15	28	22	24
Mei	30	28	37	35
Jun	13	15	18	22
Julai	23	25	28	24
Ogos	9	30	17	23
September	16	17	33	28
Oktober	22	24	30	-
November	13	21	22	-
Disember	16	16	24	-
Jumlah	202	255	291	223

Sumber: Rekod Pengurusan Kes JKSP, HKL sehingga September 2003



Walau bagaimanapun, kes-kes kehamilan luar nikah semakin banyak dilaporkan. Malah perangkaan tidak rasmi atau yang rasmi dari Jabatan Agama Islam, hospital dan lain-lain turut memperlihatkan peningkatan dalam kes tersebut. Data dari Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) Hospital Kuala Lumpur (HKL) misalnya mendapati kes kehamilan tanpa nikah telah meningkat (lihat Jadual 1).

### **LATAR BELAKANG KAJIAN DAN SUMBER DATA**

Data yang dibentangkan dalam makalah ini berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kuala Lumpur antara bulan Jun 2002 hingga Mac 2003. Sumber data diperolehi daripada rekod kes-kes kehamilan tanpa nikah yang dirujuk kepada JKSP oleh Hospital Bersalin Kuala Lumpur (HBKL).

Responden kajian terdiri daripada mereka yang telah mengandung dan bersalin tanpa mengira kehamilan (*gravidal*) dan kelahiran anak ke berapa. Mereka berumur di antara 15 hingga 30 tahun. Terdapat juga wanita dalam kategori umur ini yang merupakan ibu tunggal, yakni yang telah bercerai dan mengandung hasil daripada perhubungan luar nikah. Secara terperinci mereka dikumpulkan ke dalam kategori berikut;

1. Ibu tanpa nikah yang berumur 21 tahun dan lebih.
2. Ibu tanpa nikah yang berumur di bawah 16 tahun yang merupakan mangsa perkosa tetapi tidak membuat laporan polis.
3. Gadis berumur 17 tahun dan lebih yang menjadi mangsa perkosaan dan tidak membuat laporan polis dikategorikan sebagai ibu tanpa nikah.
4. Gadis berumur 18 tahun ke bawah (mengikut Akta Kanak-kanak 2001) yang terlibat dengan masalah sosial dan hamil.

Berdasarkan kriteria itu sebanyak 70 orang responden telah diambil untuk dikaji. Kesemua mereka telah melahirkan anak di Hospital Bersalin Kuala Lumpur. Kes-kes yang melibatkan remaja hamil yang disahkan oleh doktor sebagai pengidap sakit mental tidak diambil sebagai responden kajian walaupun mereka memenuhi syarat-syarat untuk menjadi responden kajian.

Data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik. Borang ini mengandungi lima bahagian. Bahagian A berupa soalan-soalan tentang latar belakang demografi responden sementara Bahagian B pula ialah berkenaan dengan latar belakang sosio-ekonomi keluarga. Bahagian C adalah soalan-soalan khusus untuk mendapatkan maklumat mengenai tingkah laku berisiko seperti berkaitan dengan merokok, pengambilan

alkohol, melihat, menonton dan membaca bahan lucah serta bertukar-tukar pasangan. Dalam Bahagian D terdapat soalan-soalan berkaitan dengan pegangan agama dan nilai sementara Bahagian E khusus kepada pengendalian semasa kajian.

Sungguhpun sebahagian besar data dikumpul dengan menggunakan soal selidik, tetapi data tambahan juga diperolehi melalui temu bual mendalam yang dilakukan terhadap responden semasa mengumpul maklumat melalui soal selidik. Antara soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden ialah mengenai pandangan mereka terhadap anak dan penerimaan keluarga terhadap diri mereka dan anak-anak.

## HASIL KAJIAN

### *i. Latar Belakang Responden*

Perincian mengenai latar belakang responden diperturunkan dalam Jadual 2. Taburan bangsa mengikut kumpulan responden mewakili bangsa Melayu, Cina, India dan Lain-lain. Bangsa lain-lain terdiri dari bangsa Sikh, Sabah dan Sarawak serta Indonesia dan Filipina.

Perincian mengenai latar belakang responden dijelaskan dalam Jadual 2. Didapati 45 orang (64.3%) adalah berketurunan Melayu, 11 orang (15.7%) Cina sementara India tujuh orang (10%) dan lain-lain juga tujuh orang (10%). Pecahan daripada segi agama menunjukkan 36 orang (51.4%) beragama Islam diikuti dengan 12 orang (17.1%) beragama Kristian, sembilan orang (12.9%) Buddha, empat Hindu (5.7%) dan agama-agama lain seramai sembilan orang (12.9%).

Kesemua mereka berusia di antara 15 hingga 30 tahun. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2, 60 orang (87.2%) berumur antara 16 hingga 25 tahun. Mereka ini sepatutnya sedang belajar di sekolah menengah atas atau institusi pengajian tinggi. Hasil kajian mendapati 28 orang (40%) responden hanya memperoleh pendidikan sehingga sekolah rendah atau sekolah menengah rendah, 26 orang (37.1%) berpendidikan sehingga sekolah menengah atas dan 16 orang (22.9%) lagi mencapai tahap diploma dan ijazah.

Data yang sama menunjukkan hanya lima orang (7.1%) daripada kalangan responden kajian yang masih belajar sementara 40% responden sedang menganggur atau tidak bekerja sementara waktu. Ini adalah kerana responden menyatakan berasa malu apabila disahkan hamil dan menyebabkan mereka berhenti bekerja. Daripada mereka yang bekerja 33 orang (47.1%) merupakan pekerja kolar biru, empat orang (5.8%) adalah pekerja dalam bidang profesional dan bekerja sendiri seperti berniaga makanan. Dengan tahap pendidikan dan jenis pekerjaan yang diceburi

oleh responden itu maka tidak hairanlah jika sebilangan besar daripada mereka iaitu 42.9% (30 orang) tidak mempunyai pendapatan langsung, manakala 34 orang (48.5%) mempunyai pendapatan di bawah RM1000 sebulan. Hanya enam orang atau 8.6% sahaja berpendapatan di antara RM1001 dan RM1500 sebulan.

### *ii. Latar belakang Keluarga*

Responden datang daripada latar belakang keluarga yang pelbagai. Daripada data yang dikumpulkan didapati seramai empat orang (5.7%) responden merupakan anak tunggal, 10 orang (14.3%) mempunyai dua hingga tiga orang adik beradik, 22 orang (31.4%) lagi mempunyai antara empat hingga lima orang adik beradik dan 21 orang (30%) mempunyai adik beradik antara enam hingga tujuh orang.

Mengenai ibu bapa pula, kajian ini mendapati 42 orang (60%) responden mempunyai ibu bapa yang masih berkahwin sementara 11 orang (15.7%) mempunyai ibu bapa yang telah bercerai, enam lagi (8.6%) mempunyai ibu bapa yang telah berpisah. Seorang responden adalah yatim piatu. Tiga orang (4.3%) tinggal dengan ibu atau bapa tunggal. Didapati hanya seorang responden mempunyai ibu bapa yang telah bercerai tetapi keduanya telah berkahwin semula dengan pasangan lain.

### *iii. Penglibatan Responden dalam Perlakuan Berisiko*

Agak sukar untuk menentukan sama ada terdapat atau tidaknya kesan perlakuan seseorang terhadap kehamilan. Dalam waktu yang sama agak sukar juga untuk memisahkan perlakuan sosial yang berisiko dan kurangnya pegangan agama dengan insiden kehamilan sebelum berkahwin. Ini kerana selalu disebut bahawa pegangan agama yang kuat selalunya menjadi pendering kepada terjebak seseorang dalam tingkah laku negatif. Di satu pihak lagi, pendedahan seseorang individu kepada nilai-nilai negatif dan perlakuan sosial berisiko yang kerap boleh menjadi tarikan untuk ikut sama kelakuan negatif.

Sehubungan itu, maklumat mengenai penglibatan responden dalam perlakuan berisiko telah diperolehi. Selain itu, aspek pegangan agama juga diperhatikan. Skor bagi setiap responden dicampurkan dan dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu:

Skor 2 – 5	-	kuat pegangan agama
Skor 6 – 10	-	sedehana
Skor 11 – 15	-	lemah pegangan agama.

Di dapati bahawa seramai 17 orang (24.3%) mempunyai pegangan agama yang kuat manakala 22 orang (31.4%) mempunyai tahap pegangan agama pada peringkat yang sederhana. Bagi tahap pegangan agama yang lemah pula seramai 25 orang (35.7%). Enam orang tidak memberikan respons dan sebahagian besar daripada kumpulan ini tidak berpegang kepada mana-mana agama (*free thinker*).

Perlakuan-perlakuan berisiko pula antaranya ialah merokok, minum minuman keras, mengambil dadah, membaca dan melihat bahan lucah, menonton bahan lucah serta bertukar-tukar pasangan.

Bilangan responden yang tidak merokok didapati lebih sedikit berbanding dengan responden yang merokok iaitu 38 orang (54.3%) berbanding dengan 32 orang (45.7%). Responden yang pernah mengambil alkohol pula ialah 22 orang (31.4%) berbanding dengan yang tidak pernah mengambilnya iaitu 48 orang (68.6%).

Dalam hal-hal yang berkaitan dengan ketagihan dadah, majoriti responden iaitu 67 orang (95.7%) menyatakan tidak pernah mengambil dadah dan hanya 3 orang (4.3%) menyatakan pernah mengambil dadah. Responden yang pernah melihat dan membaca bahan lucah ialah 25 orang (35.7%) (yakni termasuk yang selalu, kadang-kadang dan jarang-jarang). Responden yang pernah menonton bahan lucah (selalu, kadang-kadang dan jarang-jarang) ialah 47 orang (67.1%). Kajian ini juga mendapati responden yang terlibat dengan aktiviti membaca dan melihat bahan lucah serta menonton bahan lucah lebih tinggi jika dibandingkan jumlah responden yang terlibat dengan aktiviti merokok, meminum minuman alkohol dan mengambil dadah. Akhir sekali didapati seramai 55 orang (78.6%) menyatakan tidak pernah bertukar-tukar pasangan manakala seramai 12 orang (17.1%) menyatakan pernah bertukar pasangan (3 orang tidak memberikan jawapan).

#### ***iv. Bagaimana Responden Mengendalikan Kehamilan***

Berdasarkan maklumat yang dikumpul, didapati ada responden yang bukan hamil buat kali yang pertama. Walaupun 60 (85.7%) merupakan mereka yang hamil kali pertama akan tetapi lima orang (7.1%) pernah hamil dua kali, tiga orang (4.3%) telah hamil tiga kali dan dua orang (2.9%) lagi telah hamil lebih daripada tiga kali.

Menurut responden, apabila mereka menyedari yang mereka hamil, orang pertama yang diberitahu ialah teman lelaki yang mereka anggap sebagai 'bapa' kepada bayi yang di kandung. Tindakan ini dilakukan oleh 37 orang responden (52.9%); 17 orang (24.3%) memberitahu kepada rakan-rakan, empat orang (5.7%) memberitahu kepada ibu dan tiga orang lagi memberitahu kepada adik beradik. Seramai tujuh orang



(10%) memberitahu kepada individu yang tidak dikenali seperti pemandu teksi dan doktor yang merawat. Seramai dua orang (2.9%) lagi tidak memberitahu kepada sesiapa sehinggalah bertemu dengan pengkaji.

Bagaimana dan tempoh responden menyedari tentang kehamilan didapati berbeza-beza. Hanya seorang daripada responden menyedari kehamilan selepas seminggu tidak datang haid pada tarikh yang sepatutnya: empat orang (5.7%) sedar dalam jangka masa antara seminggu hingga tiga minggu kelewatan haid dan tujuh orang (10%) sedar setelah sebulan tidak datang haid. Seramai 22 orang (31.4%) hanya menyedari tentang kehamilan dalam tempoh tiga bulan tidak datang haid dan 35 orang (50%) menyedari kehamilan selepas tempoh tiga bulan tiada haid. Seorang lagi responden tidak memberikan jawapan.

Responden memberikan reaksi yang berbeza mengenai kehamilan mereka. Seramai 10 orang (14.3%) telah cuba menggugurkan kandungan contohnya dengan memakan ubat-ubatan atau pil yang diperoleh daripada kedai ubat Cina dan memakan makanan yang berasid kuat contohnya nenas. Seramai 35 orang (50%) mahu menjaga kandungan dan anak mereka manakala 13 orang (18.6%) mahu meneruskan kehamilan akan tetapi ingin menyerahkan bayi yang bakal dilahirkan kepada keluarga angkat. Terdapat empat orang yang mahu berkahwin dengan 'bapa' kepada bayi yang dikandungkan sementara lapan orang (11.4%) tidak memberikan respons atau menyatakan mereka cuba menyembunyikan kandungan dengan memakai baju yang longgar dan terdapat juga yang tidak melakukan apa-apa tindakan terhadap kandungan tetapi dengan harapan anak yang dikandungkan akan gugur atau hilang dengan sendirinya.

## PERBINCANGAN

Makalah ini telah menyebut tentang kehamilan di luar nikah. Data yang dibentangkan adalah berdasarkan kepada rekod yang diperoleh dari Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Kuala Lumpur yang dirujuk oleh Hospital Bersalin Hospital Kuala Lumpur. Responden yang ditemui bukan sahaja yang hamil kali pertama tetapi juga yang telah mengandungi beberapa kali tetapi masih belum berkahwin secara sah. Mereka berumur antara 15 hingga 30 tahun dan terdiri dari pelbagai kumpulan etnik, agama, latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza dengan tahap pendapatan yang berbeza juga. Ada yang datang daripada keluarga yang besar yakni yang mengandungi ramai adik beradik walaupun begitu terdapat juga responden yang merupakan anak tunggal. Ada di antara responden yang merupakan anak yatim piatu sementara 60% mempunyai ibu bapa yang masih berkahwin. Responden lain tinggal dalam keluarga tunggal (sama

ada ibu atau bapa tunggal) atau keluarga tiri (apabila ibu atau bapa mereka berkahwin lain setelah bercerai atau kematian pasangan).

Data yang dikumpulkan ini mendapati bahawa kehamilan di luar ikatan perkahwinan tidaklah bertumpu kepada mereka yang berusia belasan tahun sahaja. Ini kerana bilangan responden yang berumur di bawah dua puluh tahun agak sama bilangannya dengan mereka yang berumur lebih dari dua puluh tahun. Tidakkah dapat dipastikan sebabnya, akan tetapi jika dikaitkan dengan bilangan kehamilan didapati responden yang hamil lebih daripada sekali adalah lebih tua usianya.

Dari segi agama pula didapati responden yang beragama Islam lebih ramai iaitu 36 orang (51.4%) berbanding 34 orang (48.6%) yang bukan Islam. Walau bagaimanapun perbandingan antara agama ini tidakkah dapat dibuat kerana mereka yang bukan beragama Islam akan berkahwin sama ada semasa mengandung atau selepas mengandung. Selain itu tekanan agama terhadap hubungan seks sebelum berkahwin atau di luar perkahwinan yang menyebabkan kehamilan tidakkah sama antara agama.

Kerap kali perlakuan yang berisiko dikaitkan dengan kurangnya pegangan agama. Data yang dikumpulkan mendapati bahawa bilangan responden yang menyatakan kuat pegangan agama adalah lebih rendah iaitu 24.3% berbanding responden yang menyatakan lemah pegangan agama iaitu 35.7%. Hasil kajian ini sejajar dengan pendapat yang diberikan Shahrizat (2002), kebiasaannya ibu-ibu tanpa nikah ini bukanlah seorang penganut agama yang taat.

Mereka (ibu tanpa nikah) ini juga tidak menganggap agama sebagai jalan penyelesaian kepada masalah mereka ini. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Allen dan Bender (1980) yang mendapati bahawa tidak lebih daripada 3% responden yang dikaji memandangi gereja (institusi agama Kristian) sebagai sumber untuk menolong kes-kes ibu tanpa nikah. Ini menunjukkan bahawa sikap ibu tanpa nikah yang sering tidak berpegang teguh kepada agama yang mereka anuti menyebabkan mereka terpesong daripada landasan yang ditetapkan oleh agama. Kajian yang dijalankan oleh Michelle et al. (1989) juga mendapati ajaran agama boleh menjadi sebagai pelita atau satu regangan moral dalam diri remaja agar mereka dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Penglibatan dalam perlakuan yang berisiko yang mempunyai hubungan yang positif dengan kecenderungan untuk melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Menurut David (1973) menyatakan pendedahan yang sebegitu banyak kepada hubungan seks bebas melalui media massa boleh mendorong remaja untuk bertindak menguji tingkahlaku seks. Begitu juga menurut pendapat Sabitha dan Mahmood (1995) yang menyatakan bahawa tayangan secara sepintas lalu dalam bentuk keganasan dan seksual akan kekal di dalam fikiran remaja dan seterusnya mempengaruhi mereka.

Banyak perkara yang perlu diberikan perhatian dalam membincangkan fenomena ini. Pertama ialah menentukan dengan terperinci apakah puncanya. Kedua ialah bagaimana menangani isu tersebut dan yang lebih utama dalam konteks perbincangan disini ialah menentukan atau mencadangkan bagaimana menangani individu yang terlibat serta anak yang bakal mereka lahirkan.

Data daripada kajian ini agak terbatas. Ini kerana beberapa soalan yang berkaitan dengan latar belakang keluarga dan penglibatan responden dalam perlakuan berisiko sahaja yang ditanya dalam soal selidik. Berdasarkan kepada data yang telah dibentangkan lebih awal didapati tidaklah mudah untuk menentukan sebab utama wanita yang dikaji terjebak dalam hubungan seks di luar perkahwinan sehingga mereka hamil. Walau bagaimanapun secara amnya ramai antara mereka yang terlibat dengan perlakuan tersebut. Akan tetapi, mereka tidaklah khusus kepada kumpulan umur remaja sahaja. Ini adalah kerana terdapat juga responden kajian yang berada pada peringkat umur dewasa awal dan iaitu menurut Zastrow dan Kirst-Ashman (2001) lingkungan umur 18 tahun hingga 30 tahun.

Apa yang menyedihkan ialah responden yang berada dalam kumpulan umur yang lebih tinggi ini kebanyakannya pernah hamil lebih daripada sekali. Berkait dengan hal ini ialah apakah faktor sebenar yang menyebabkan mereka melakukan perbuatan yang dianggap salah itu berulang kali. Apakah tidak ada sebarang usaha untuk membantu golongan ini agar tidak mengulangi perlakuan devian itu? Maksudnya apakah tidak ada sebarang program intervensi, sistem sokongan untuk mereka agar mereka tidak mengulanginya.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, khususnya daripada temubual yang mendalam dengan responden didapati bahawa, kebiasaannya wujud usaha daripada pihak keluarga terdekat seperti adik beradik dan ibubapa. Walau bagaimanapun biasanya usaha ini tidak berterusan disebabkan keperluan hidup individu yang membantu tersebut disamping tiada kesungguhan daripada pihak responden. Selain itu juga, terdapat juga dikalangan responden yang pernah mendapatkan khidmat dari rumah perlindungan setiap kali kehamilan.

Selain daripada berusaha untuk membimbing para responden supaya tidak mengulangi perbuatan mereka yang disifatkan sebagai berisiko ini, perancangan mengenai penjagaan anak yang bakal lahir juga penting. Berdasarkan kepada data yang dikumpul didapati bahawa bilangan responden yang mahu menjaga anak mereka sendiri tidak sampai 50% (33 orang atau 47.1%). Hampir 25% mahu menyerahkan anak mereka kepada keluarga angkat atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Hanya 16 orang (22.9%) yang merancang untuk berkahwin dan menjaga

anak mereka sendiri. Empat orang lagi ingin menyerahkan anak kepada saudara terdekat tetapi tidak mahu melalui proses anak angkat, bergantung kepada keputusan keluarga serta masih berada dalam dilema disebabkan ketidakmampuan ekonomi mereka untuk menjaga anak sendiri.

Hasrat untuk menjaga sendiri anak yang bakal lahir sama ada berkahwin atau tidak mempunyai kaitan dengan sokongan dari keluarga dan teman lelaki (sama ada 'bapa' kepada bayi yang di kandung). Berdasarkan kepada temubual dengan responden didapati kebanyakan responden amat berhasrat untuk menjaga bayi mereka sendiri. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kurangnya sokongan daripada keluarga seperti ibu bapa tidak dapat menerima kehadiran anak dalam keluarga, pandangan daripada penduduk setempat di samping tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan mencukupi, responden terpaksa memilih untuk menyerahkan bayi kepada keluarga angkat atau pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Oleh sebab itu juga terdapat sebilangan responden yang enggan mengikuti prosedur anak angkat yang ditetapkan disebabkan mereka bercadang akan mengambil semula anak yang telah diserahkan kepada 'keluarga angkat' apabila telah berkahwin nanti atau sekiranya keadaan kewangan mereka telah stabil. Selain itu hasrat untuk menyerahkan bayi juga disebabkan oleh responden yang tidak bersedia untuk menjaga bayi mereka. Hal ini mungkin berkaitan dengan kedudukan kewangan akibat berhenti bekerja ketika mula menyedari kehamilan. Selain itu juga, terdapat sebilangan responden yang cuba untuk 'melupakan' kisah silam dan memulakan hidup baru dengan menyerahkan anak mereka kepada keluarga angkat.

Melihat kepada kaedah mengendalikan anak yang bakal dilahirkan, beberapa program perlu diambil bagi mengelakkan responden membuang bayi mereka, mengabaikan bayi berkenaan atau menyerahkan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab yang mungkin menjual bayi berkenaan kepada orang lain. Sehubungan dengan itu, hal-hal yang berkaitan dengan pengetahuan mengenai hak ibu ke atas anak mereka perlu ditingkatkan. Selain itu Program Galakan Penyusuan Susu Ibu yang dijalankan oleh pihak hospital amatlah disarankan. Ini adalah kerana program ini akan menerbitkan rasa kasih dan sayang serta mengeratkan hubungan antara ibu dan anak. Ianya telah terbukti apabila terdapat responden yang mengubah keputusan di saat-saat akhir sebelum menyerahkan kepada keluarga angkat disebabkan telah mula menyayangi anak mereka berikutan Program Galakkan Penyusuan Susu Ibu ini.



### KESIMPULAN

Kehamilan luar nikah bukanlah isu yang baru. Hal ini telah berlaku sejak sekian lama akan tetapi memandangkan kes tersebut telah banyak dilaporkan pada masa kini berbanding pada masa lepas, maka fenomena ini seolah-olah dilihat lebih banyak berlaku pada masa kini. Kehamilan berlaku oleh kerana pergaulan bebas dan terdapat pelbagai rangsangan yang mendorong seseorang untuk mencuba. Dalam konteks kajian ini mendapati bahan lucah yang ditonton, dilihat dan dibaca merupakan faktor utama yang mendorong kepada hubungan seks luar nikah sehingga menyebabkan kehamilan.

### Rujukan:

- Allen, J. E. & Bender, D. (1980). *Managing teenage pregnancy - Access to abortion, contraception, and sex education*. New York: Praeger.
- David, R (1973). *Abortion, the antagonizing decision*. London: Oliphants.
- Macionis, J.J. (2006). *Society: The basic* (8th edition), Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Michelle, C., Thomas, R. M. & Sinyangwe, I. M. (1989). 'Adolescent conceptions of 'MORAL': Haiti the United Sates, & Zambia. *Youth & Society* 21 (2).
- Nor Jana Saim. (2004). Faktor dan kaedah pengendalian kehamilan oleh ibu tanpa nikah di Hospital Kuala Lumpur. Tesis Ijazah Sarjana Kerja Sosial Perubatan, Fakulti Perubatan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharizat Abu Bakar. (2002). *Berita Harian*, 8 Februari 2002.
- Zastrow Charles and Kirst-Ashman. K. (2001). *Understanding human behaviour and social environmen*. Edisi Ke-5. Thomson Learning, USA.